

HARAPAN METRO

# Diperkosa kenalan baru

27/01/2010 M/S 4

**K**UALA LANGAT: Seorang jurujual yang baru beberapa hari berkenalan dengan seorang lelaki mendakwa menjadi mangsa rogol lelaki terbabit di ladang sawit di Jugra, Banting, dekat sini, baru-baru ini.

Ketika kejadian mangsa, 19, diugut menggunakan pemotong buah sawit sebelum ditolak ke dalam semak dan dirogol, malah sebelum meninggalkan mangsa, suspek turut menyamun wang mangsa RM100.

Dalam kejadian jam 4.30 petang Jumaat lalu itu, mangsa sedang menunggu teksi di sekitar rumahnya untuk ke tempat kerja di sebuah pasar raya di Banting sebelum suspek tiba-tiba muncul.

Lelaki terbabit mempelawa mangsa menaiki motosikalnya untuk dihantar ke tempat kerja dan mangsa yang tidak mengesyaki niat jahat lelaki itu hanya menuruti pelawaan suspek.

Bagaimanapun, di tengah perjalanan, suspek melencong motosikalnya ke kawasan ladang sawit sambil memberitahu mangsa dia mahu mengambil barang yang tertinggal di sebuah rumah.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Mohamad Radzi Ishak, berkata sebaik tiba di lokasi kejadian, mangsa ditolak ke dalam semak sebelum digertak menggunakan senjata tajam dan dirogol.

"Mangsa yang ketakutan membiarkan saja dirinya menjadi pemuas nafsu lelaki terbabit sebelum dia ditinggal bersendirian di situ.

"Sebelum meninggalkan mangsa, suspek turut menyamun mangsa kira-kira RM100. Mangsa turut mengalami lebam pada badan dipercayai cuba bergelut dengan suspek," katanya di sini, semalam.

Mohamad Radzi berkata, hasil siasatan mendapati suspek berkenalan dengan mangsa di pasar raya terbabit selain beberapa kali bertemunya di pasar raya.